



PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 16/2020

SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg.Prof./Prof. Ulung/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN AWAL MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUS UKM BANGI PADA 12 SEHINGGA 16 JUN 2020 BAGI MEMBERI LALUAN KEPADA KERJA FIZIKAL YANG KRITIKAL

- **Penggantian 15 Unit *Switchgear* Baharu di Pencawang Pengagihan Utama Kolej Dato' Onn UKM, Bangi**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak pengurusan Universiti telah dimaklumkan oleh Prasarana UKM bahawa kerja penggantian 15 Unit *Switchgear* baharu di Pencawang Pengagihan Utama Kolej Dato' Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi hendaklah dilaksanakan dengan kadar segera atas faktor keselamatan yang kritikal. Kerja-kerja penggantian ini sepatutnya telah dibuat lebih awal namun disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengawal penularan wabak COVID-19, pihak kontraktor telah memohon untuk ianya ditangguhkan.

3. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti Bil. 2/2020 telah diadakan pada 22 Mei 2020 bagi menimbangkan perkara ini dengan penuh teliti. Dengan persetujuan pihak pengurusan tertinggi Universiti, keputusan berikut diambil setelah mengambil kira pelbagai faktor terutama keselamatan:

2. Kerja penggantian 15 Unit *Switchgear* baharu di Pencawang Pengagihan Utama Kolej Dato' Onn, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi akan dilaksanakan mulai 12 sehingga 16 Jun 2020 (5 hari);
2. Keselamatan warga kampus sewaktu dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah menjadi keutamaan;
2. Kegagalan menggantikan *Switchgear* tersebut boleh memberikan kesan besar atas kelangsungan bekalan elektrik di UKM Kampus Bangi;
2. Dengan menggantikan *Switchgear* tersebut, risiko kerosakan peralatan makmal yang bernilai jutaan ringgit, bahan uji kaji yang bernilai tinggi dan lain-lain seumpamanya dapat dikurangkan; dan
2. Kerja-kerja pembaikan hendaklah dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

4. Bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja kritikal ini, bekalan elektrik ke hampir keseluruhan Kampus UKM Bangi (*coverage: 85%*) perlu dihentikan (*shut down*) sepenuhnya bermula **12 Jun 2020 (Jumaat) pada jam 6.00 petang sehingga 16 Jun 2020 (Selasa) pada jam 11.50 malam**. Penutupan bekalan elektrik keseluruhan Kampus UKM Bangi akan dilaksanakan semasa proses pengalihan beban kuasa di Pencawang Masukan Utama 33kV. Penutupan bekalan elektrik ini dijangka berlaku selama 30 minit awal (12 Jun 2020, 6.00 petang hingga 6.30 petang) dan 30 minit akhir (16 Jun 2020, 11.20 malam hingga 11.50 malam).



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

5. Untuk makluman, terdapat bangunan dan Pusat Tanggungjawab (PTj) yang akan **terus menerima bekalan elektrik** dalam tempoh yang dinyatakan seperti di **Lampiran A**. Kategori bangunan dan PTj yang terlibat adalah seperti berikut:

- a. Bangunan dan PTj yang menerima bekalan elektrik melalui sokongan set generator. Bekalan elektrik hanya dibekalkan untuk makmal-makmal penyelidikan penting dan pengoperasian instrumentasi bernilai tinggi sahaja.
 - Staf di PTj ini hendaklah **menjalankan tugas secara Work From Home (WFH)**.
- b. Bangunan dan PTj yang akan terus menerima bekalan elektrik (bekalan TNB).
 - Staf di PTj ini hendaklah menjalankan **tugas di pejabat dan premis masing-masing seperti biasa**.

6. Manakala, bangunan dan PTj yang tidak tersenarai seperti di dalam Lampiran A, staf di PTj tersebut hendaklah menjalankan tugas secara WFH **mulai 15 – 16 Jun 2020**. Ini adalah disebabkan PTj terkesan secara langsung dari segi bekalan elektrik, air, telefon dan *internet* yang amat bergantung kepada kestabilan bekalan elektrik akibat penutupan sementara bekalan elektrik ini.

7. Semua warga Kampus adalah dinasihatkan untuk membuat persediaan awal dan tidak panik kerana pihak Universiti telahpun mengambil beberapa langkah proaktif seperti berikut:

- a. Perpindahan pelajar ke Kolej Kediaman sementara di Kolej Pendeta Za'ba (KPZ) akan dilaksanakan KECUALI pelajar di Kolej Ibu Zain (KIZ) diminta kekal di KIZ. Ini bertujuan untuk memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar. Oleh itu, pihak Pusat Perumahan Pelajar (PPP) akan membantu pelajar semasa proses perpindahan ini termasuk menyediakan pengangkutan;
- b. Universiti akan menyewa beberapa set generator bagi memastikan kelangsungan bekalan elektrik di Kolej Kediaman dan lain-lain PTj seperti yang disenaraikan di **Lampiran A**; dan
- c. Pasukan Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Bahagian Keselamatan di Jabatan Pendaftar dan pihak pengurusan Universiti akan mengadakan kunjungan secara berkala ke Kolej Kediaman, PTj dan bangunan bagi memastikan warga Kampus berada dalam keadaan sihat dan selamat.


8. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama semua warga Kampus bagi melancarkan segala urusan berkaitan perkara ini. Pihak PTj boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan kerja-kerja pembaikan elektrik kepada **Encik Mohamad Shahril Hussain, Ketua Unit Elektrik, Prasarana-UKM (03-8921 5376/ 5959/ 013-3983505)**. Manakala, pertanyaan berkaitan pelajar boleh diajukan kepada **Encik Danny Hamidon Omar, Pengurus Asrama, Pusat Perumahan Pelajar (03-8921 6847/ 013-350 9215)**.

Bagi pihak pengurusan Universiti, saya mendoakan semua warga Kampus sentiasa diberikan ketabahan dan kekuatan untuk menempuhi tempoh sukar ini. Pihak kami memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku. Kerjasama semua pihak adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Prasarana-UKM
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)
 - Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

**SENARAI BANGUNAN / PTJ YANG AKAN TERUS MENERIMA BEKALAN ELEKTRIK
SEPANJANG TEMPOH MULAI 12 JUN 2020 HINGGA 16 JUN 2020**

Bil.	Bangunan / PTJ	Punca Bekalan Elektrik	
1	Kolej Kediaman:		
	Kolej Ibu Zain (KIZ) - Keseluruhan bangunan	Set generator	
	Kolej Rahim Kajai (KRK) - Blok Pentadbiran Sahaja	Set generator	
	Kolej Pendeta Za'ba (KPZ)	Bekalan TNB	
2	Fakulti:		
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal Tambahan (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Tumbuhan (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Haiwan (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Nuklear (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Biologi (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Fizik (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Kimia (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Matematik / Geologi (Makmal)	Set generator	
	Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal ABSL	Set generator	
	Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Blok Kejuruteraan Kimia & Proses	Bekalan TNB	
	Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Blok Pengajaran	Bekalan TNB	
	Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Bangunan Inovasi	Bekalan TNB	
	3	Institut:	
		INBIOSIS - Makmal sahaja	Set generator
SELFUEL		Bekalan TNB	
SERI		Bekalan TNB	
IMEN		Bekalan TNB	
IPI - Pusat ANGKASA		Bekalan TNB	
4	Pusat Perkhidmatan:		
	Pusat Teknologi Maklumat (PTM)	Bekalan TNB	
	Pusat Kesihatan Universiti - Makmal Ubatan & Peti Vaksin sahaja	Set generator	
	Makmal i-CRIM (Kompleks Penyelidikan)	Bekalan TNB	
	Makmal Bioserasi - Makmal sahaja	Set generator	
	Pusat Islam (Masjid UKM)	Set generator	
	Perpustakaan Tun Seri Lanang Lingkungan 1 - Bahagian Media Aras 2 sahaja	Set generator	
5	Tangki Air:		
	Tangki Air Utama UKM	Set generator	
	Tangki Air KPZ	Bekalan TNB	
	Tangki Air KIZ	Set generator	
6	Loji Rawatan Kumbahan:		
	Pintu Masuk Utama UKM	Set generator	
	KPZ	Bekalan TNB	
	FKAB (Pondok Keselamatan)	Bekalan TNB	
	FKAB Baharu	Bekalan TNB	
7	Lain-lain Bangunan:		
	Bangunan UNIKEB	Bekalan TNB	
	<i>District Cooling System (DCS) Lingkungan 2</i>	Bekalan TNB	
	Kompleks Bestari	Bekalan TNB	
	Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh (DTAMS)	Bekalan TNB	

* Tiada operasi hawadigin sepusat dari District Cooling System (DCS) Lingkungan 1 yang akan ditutup bekalan elektriknya (PTSL dan Bangunan FST (Biologi, Kimia, Fizik, Matematik dan Geologi) tidak akan menerima hawadigin sepusat ini).



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my